

**HUBUNGAN ANTARA TAHAP PELAKSANAAN  
SOLAT FARDU DENGAN KONFLIK RUMAH  
TANGGA: KAJIAN DI UNIT RUNDINGCARA  
KELUARGA (URK) BAHAGIAN PERKAHWINAN  
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA (BPPK),  
JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH  
PERSEKUTUAN (JAWI)**

**The Relationship between the Implementation  
of Solat with Domestic Conflict: A Study at the  
Family Consultation Unit, the Marriage and Family  
Development Division of the Federal Territory of Islamic  
Affairs Department (JAWI)**

**Nur Dalilah Zakaria<sup>1</sup>  
Raihanah Azahari<sup>2</sup>**

**ABSTRACT**

*Solat is the act of worship that manifests the meaning of total submission to Allah as a sign of faith and is a means for the believers to seek the glory in this life and the Hereafter. Allah has assigned solat as an immutable worship in every Prophetic*

---

<sup>1</sup> Senior Deputy Director, Da'wah Management Division, Federal Territory Islamic Affairs Department (JAWI).

<sup>2</sup> Associate Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, [raihan@um.edu.my](mailto:raihan@um.edu.my).

*message. This study aims to examine the relationship between the implementation of obligatory solat and domestic conflict. The respondents are married couples who have attended consultation sessions at the Family Consultation Unit, the Marriage and Family Development Division of the Federal Territory of Islamic Affairs Department (JAWI). This study also tries to identify the influence of certain factors that affect the performance of solat including educational and socio-economic factors, as well as to identify any differences in the implementation of solat based on these factors. The findings of the survey showed that there are differences in terms of the implementation of solat based on the educational background. However, the analysis found that there is no significant relationship between commitment to the performance of solat and marital conflict.*

**Keywords:** *solat, worship, family, marriage, conflict, consultation*

## **PENGENALAN**

Terdapat kenyataan yang menjelaskan bahawa, amalan-amalan keagamaan boleh memberi impak kepada kesejahteraan individu, keluarga dan masyarakat. Kehadiran secara tetap dalam upacara-upacara keagamaan pula dikaitkan dengan kehidupan yang sihat, keluarga yang stabil, perkahwinan yang kukuh, dan anak-anak yang berakhlak baik. Amalan keagamaan juga amat berkait rapat dengan kestabilan dan kualiti perkahwinan dan boleh membawa kepada berkurangnya jenayah keganasan rumah tangga, penyalahgunaan dan ketagihan dadah.<sup>3</sup>

Stinnett<sup>4</sup> menjelaskan, tahap kepuasan perkahwinan dipengaruhi oleh beberapa elemen termasuklah cara berkomunikasi, hubungan seks, penjagaan anak, pengurusan rumah tangga, pendekatan keagamaan, masa lapang dan hubungan sosial.

---

<sup>3</sup> Patrick F. Fagan, 'Why Religion Matters Even More: The impact of Religious Practice on Social Stability,' *Backgrounders*, 1992 (The Heritage Foundation, Dec 2006), 1- 19.

<sup>4</sup> Stinnett, N., Walters, J., *Relationship in Marriage and the Family* (United States America: Macmillan Publishing Company, 3rd ed, 1991).

Menurut Scott<sup>5</sup> perkahwinan yang bermasalah akan menyumbang kepada tekanan terhadap pasangan suami isteri dan secara tidak langsung akan memberi kesan negatif kepada golongan dewasa, anak-anak dan komuniti.

Raihanah Azahari<sup>6</sup> menegaskan keluarga yang utuh dan mampu berfungsi dengan berkesan dapat membentuk sifat, tingkah laku dan nilai terpuji dalam kalangan ahlinya. Kefungsian dan kesejahteraan keluarga boleh dicorakkan oleh pelbagai proses yang berlaku dalam kalangan ahli keluarga. Antaranya kesedaran seseorang Muslim itu tentang hakikat penciptaan manusia di alam ini bukan sekadar untuk mendiami bumi semata-mata. Bahkan mempunyai tanggungjawab tertentu, iaitu mengabdikan diri atau beribadah kepadaNya. Oleh itu, sama ada ibadah itu berbentuk umum ataupun khusus, ia tetap mempunyai tujuannya yang tertentu. Hasil kajian beliau juga mendapati masalah rumah tangga jika ia di dalam skala yang rendah adalah sebahagian daripada proses bagi memantapkan individu dan pasangannya. Tetapi jika dibiarkan, ia boleh menjadi penyumbang kepada perceraian dan keruntuhan institusi keluarga serta menjadi punca kepada berleluasanya gejala sosial dalam masyarakat.

Hasil kajian Nur Dalilah Zakaria<sup>7</sup> mendapati hampir 80 peratus pasangan yang hadir sesi rundingcara di Unit Rundingcara Keluarga (URK) Bahagian Perkahwinan Dan Pembangunan Keluarga (BPPK), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) kebanyakannya tidak menunaikan solat fardu secara konsisten. Ada di antara mereka menunaikan solat hanya satu atau dua waktu sahaja dan ada yang langsung tidak menunaikan solat.

Persoalannya, adakah konflik rumah tangga yang berlaku disebabkan oleh pengabaian ibadat solat oleh pasangan yang berkonflik? Artikel ini cuba mengenalpasti adakah konflik rumah tangga yang berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur disebabkan oleh pengabaian tanggungjawab keagamaan/solat dalam kalangan pasangan yang hadir sesi rundingcara keluarga di URK. Artikel ini bertujuan untuk:-

---

<sup>5</sup> Scott, P.G., 'Evaluation of the Connections: Relationships and Marriage Curriculum', *Journal of Family and Consumer Sciences Education*, 19/1 (2001), 1-14.

<sup>6</sup> Raihanah Azahari 'Permasalahan Rumahtangga: Kajian di Unit Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor', *Jurnal Syariah*, 15/1 (2007), 115-128.

<sup>7</sup> Nur Dalilah Zakaria, 'Pelaksanaan Ibadat Solat dan Hubungannya dengan Konflik Rumahtangga: Kajian di Unit Rundingcara Keluarga, Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, JAWI' (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012).

- i. Mengenalpasti tahap pelaksanaan ibadat solat fardu di kalangan pasangan yang mempunyai konflik rumah tangga;
- ii. Mengenalpasti perbezaan tahap pelaksanaan ibadat solat fardu harian responden berdasarkan jantina, tahap sosioekonomi dan pendidikan; dan
- iii. Mengenalpasti hubungan di antara tahap pelaksanaan ibadat solat fardu dengan konflik rumah tangga.

## ULASAN LITERATUR

Kajian-kajian yang telah dilakukan 20 tahun lalu terutamanya oleh pengkaji-pengkaji di barat secara jelas menunjukkan bahawa agama merupakan faktor yang penting dalam kehidupan kekeluargaan dan keibubapaan.<sup>8</sup> Dollahite yang mengenalpasti bagaimana penglibatan agama keluarga memberikan manfaat kepada individu dewasa, belia dan kanak-kanak serta mengukuhkan keluarga menegaskan unsur *spiritual* dan agama adalah suatu yang penting kepada kebanyakan orang di sebahagian besar di dunia. Tambahan beliau lagi terdapat hubungan yang penting antara agama dan perkahwinan serta kehidupan keluarga.<sup>9</sup> Walaupun bukti empirikal menunjukkan terdapat hubungan antara agama dengan kehidupan keluarga kontemporari, namun kebanyakan penemuan kajian mengenai agama dan fungsi perkahwinan atau hubungan ibu bapa dengan anak-anak melibatkan keseluruhan atau salah satu item penentu, seperti penglibatan dengan organisasi agama, kehadiran ke gereja dan amalan keagamaan individu seperti kekerapan berdoa.<sup>10</sup> Dalam konteks ini, Patrick<sup>11</sup> menjelaskan bahawa amalan-amalan keagamaan boleh memberi impak kepada kesejahteraan individu, keluarga dan masyarakat. Kehadiran secara tetap dalam

---

<sup>8</sup> Mahoney A, Pargment KI, Tarakeshwar N *et al.*, 'Religion in the Home in the 1980s and 1990s: A Meta-Analytic Review and Conceptual Analysis of Links Between Religion, Marriage and Parenting', *J Fam Psychol* 15 (2001), 559-596.

<sup>9</sup> Dollahite, D.C., Marks, L.D., & Goodman, M. 'Families and Religious Beliefs, Practices, and Communities: Linkages in a Diverse and Dynamic Cultural Context', *The Handbook of Contemporary Families: Considering the Past, Contemplating The Future* (eds. M.J. Coleman & L.H. Ganong; Thousands Oaks, CA: Sage, 2004), 411-431.

<sup>10</sup> Mahoney A, Pargment KI, Tarakeshwar N *et al.*, 'Religion in the Home in the 1980s and 1990s: A Meta-Analytic Review and Conceptual Analysis of Links Between Religion, Marriage and Parenting', 559-596.

<sup>11</sup> Patrick F. Fagan, 'Why Religion Matters Even More: The impact of Religious Practice on Social Stability,' *Backgrounders*, 1- 19.

upacara-upacara keagamaan pula dikaitkan dengan kehidupan yang sihat, keluarga yang stabil, perkahwinan yang kukuh, dan anak-anak yang berakhlak baik. Amalan keagamaan juga amat berkait rapat dengan kestabilan dan kualiti perkahwinan serta boleh membawa kepada berkurangnya jenayah keganasan rumah tangga, penyalahgunaan dan ketagihan dadah.

Meskipun banyak literatur yang sedia ada mengenai konflik keluarga, tetapi sangat sedikit kajian yang spesifik mengukur impak agama terhadap konflik perkahwinan.

Sebagai contoh kajian Lambert dan Dollahite<sup>12</sup> yang menggunakan metode temubual secara mendalam terhadap 57 orang responden beragama Kristian, Yahudi dan Islam yang kuat pegangan agamanya dan tinggal di New England dan Northern California. Hasil kajian mereka mendapati pasangan yang ditemubual melaporkan bahawa agama telah memberi kesan dalam tiga fasa proses konflik iaitu ketika proses pencegahan masalah/konflik, penyelesaian konflik dan mendamaikan hubungan.

Curtis dan Ellison<sup>13</sup> pula mendapati perbezaan kepada paten kehadiran dalam aktiviti keagamaan mempunyai hubungan yang konsisten dengan kekerapan berlakunya konflik dalam perkahwinan. Manakala Call dan Heaton<sup>14</sup> pula melaporkan bahawa risiko berlakunya pembubaran perkahwinan adalah tiga kali lebih besar apabila isteri sahaja yang hadir secara tetap aktiviti keagamaan manakala suami pula tidak hadir.

Di Malaysia, salah seorang pengkaji dalam bidang kekeluargaan seperti Hamidah Ab Rahman<sup>15</sup> yang mengenalpasti faktor-faktor penyumbang kepada masalah keluarga dan perceraian melaporkan bahawa, keadaan keluarga yang tidak stabil dan sering bertengkar, suami tidak menunaikan tanggungjawab dengan baik, ilmu yang tidak lengkap tentang pengurusan rumah tangga, kurang pengetahuan agama, masalah komunikasi dalam keluarga, kecurangan pasangan, penderaan emosi, penghakisan rasa cinta, masalah kewangan serta cabaran semasa yang begitu kuat mempengaruhi kesejahteraan keluarga.

---

<sup>12</sup> Lambert, N.M. & Dollahite, D.C., 'How Religiosity Helps Couples Prevent, Resolve, and Overcome Marital Conflict', *Family Relations* (Blackwell Publishing, 55 Oct 2006), 439-449.

<sup>13</sup> Curtis, K.T., & Ellison, C., 'Religious Heterogamy and Marital Conflict', *Journal of Family Issues*, 23 (2002), 551-576.

<sup>14</sup> Call, V.R., & Heaton, T.B., 'Religious Influence on Marital Stability', *Journal for the Scientific Study of Religion*, 36 (1977), 382-399.

<sup>15</sup> Hamidah Ab Rahman, 'Faktor Penyumbang Kepada Masalah Keluarga dan Perceraian: Kajian Kes di Johor', *Krisis Dan Konflik Rumahtangga* (ed. Abdul Rahim Abd Rashid *et al.*; Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2006), 13.

Raihanah Azahari<sup>16</sup> dan Nor Izzati Mohd Zawawi<sup>17</sup> pula melaporkan bahawa antara sebab utama berlakunya konflik rumah tangga ialah kegagalan pihak suami dalam menunaikan nafkah kepada isteri, curang, tiada persefahaman, tidak bertanggungjawab dan campur tangan pihak ketiga atau keluarga. Selain itu, penderaan fizikal dan mental, poligami dan masalah kesihatan juga menjadi penyumbang kepada masalah rumah tangga.

Sesetengah pengkaji lain pula melihat hubungan antara gejala sosial dengan amalan solat individu. Sebagai contoh Nor Azira Yusoff<sup>18</sup> menjalankan kajian kepada 60 orang pelatih beragama Islam di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi Kuala Lumpur, iaitu salah sebuah pusat pemulihan akhlak remaja di Malaysia. Manakala Mohd Suhardi Jusoh<sup>19</sup> melakukan penyelidikan ke atas pelajar-pelajar Sekolah Menengah di sekitar Pasir Puteh, Kelantan. Shafora Juaini<sup>20</sup> pula memfokuskan kajian kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kuala Selangor. Mereka menyimpulkan bahawa punca sebenar berlakunya gejala sosial adalah kerana pelakunya yang mengabaikan ibadat solat. Sebaliknya responden yang tekun melaksanakan ibadat solat dan menghayatinya akan menunjukkan akhlak dan budi pekerti yang baik dan mulia terhadap ibu bapa, guru dan rakan-rakan. Dapatan ini disokong oleh Amran Kasimin<sup>21</sup> yang menjelaskan bahawa, sebahagian besar individu yang terlibat dengan masalah sosial seperti khalwat, persetubuhan haram, sekedudukan dan pelacuran adalah mereka yang kurang atau langsung tidak mempunyai didikan agama.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini hanya menumpukan perhatian mengenai isu hubungan buruk laku dalam kalangan pelajar dan individu yang

---

<sup>16</sup> Raihanah Azahari, 'Factors Contribute to Marital Problems Among Malay Muslim Women: A Case Study in Malaysia', *Jurnal Syariah*, 16/2 (2008), 245-268.

<sup>17</sup> Noor Izzati Mohd Zawawi, 'Masalah Rumah Tangga Muslim di Hulu Langat: Kajian Tentang Cara Penyelesaiannya oleh Pejabat Agama Islam Hulu Langat (PAIHL), Selangor', (Disertasi Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004).

<sup>18</sup> Noor Azira Yusoff, 'Hubung Kait Antara Pengabaian Solat Dengan Buruk Laku Individu: Kajian di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur' (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008).

<sup>19</sup> Mohd Suhardi Jusoh, 'Pengabaian Solat di Kalangan Remaja: Kajian di Sekolah Menengah di Sekitar Pasir Puteh, Kelantan' (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

<sup>20</sup> Shafora Juaini, 'Ibadah Solat dan Hubungannya Dengan Akhlak Pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kuala Selangor' (Kertas Projek Ijazah Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005).

<sup>21</sup> Amran Kasimin, *Masalah Sosial dan Hubungannya dengan Didikan Agama* (Kuala Lumpur: Dinie Publishers, 1993).

mengabaikan solat. Manakala artikel ini pula cuba mengenalpasti apakah terdapat perkaitan di antara konflik rumah tangga dengan pengabaian ibadat solat.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dilakukan di Unit Rundingcara Keluarga (URK) Bahagian Perkahwinan Dan Pembangunan Keluarga (BPPK), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Responden dalam kajian ini adalah 100 orang responden lelaki dan wanita yang hadir untuk mendapatkan khidmat nasihat di URK, JAWI mulai Mac hingga Ogos 2010.

Pemilihan sampel kajian adalah menggunakan kaedah persampelan bertujuan iaitu ciri-ciri responden yang diperlukan untuk kajian ini telah ditetapkan. Ciri-ciri tersebut ialah terdiri daripada responden lelaki dan perempuan yang hadir untuk mendapatkan khidmat nasihat secara rundingcara dan pandangan di Unit Rundingcara Keluarga, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Ciri yang lain pula ialah mempunyai permasalahan rumah tangga, terdiri daripada mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang pelbagai dan mempunyai status sosioekonomi yang berbeza.

Bagi mendapatkan data yang berkaitan, satu set soal selidik telah dirangka. Soal selidik ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu bahagian A adalah soalan berkaitan dengan maklumat demografi atau latar belakang responden iaitu jantina, umur, taraf pendidikan tertinggi, pendidikan agama, pekerjaan, pendapatan dan tempoh perkahwinan.

Bahagian B mengandungi 11 item soalan-soalan yang berkaitan didikan awal ibadat solat, pelaksanaan ibadat solat, sebab-sebab tidak melaksanakan solat serta tahap pelaksanaan ibadat ini.

Bahagian C mengandungi soalan-soalan berkaitan konflik rumah tangga. Ia terdiri daripada 13 item berpandukan skala likert 5 mata. Setiap item dijawab dengan menandakan satu daripada 5 skala likert tersebut, iaitu: 1. Sangat Tidak Setuju; 2. Tidak Setuju; 3. Tidak Pasti; 4. Setuju; 5. Sangat Setuju.

Pembinaan instrumen soal selidik ini diubahsuai daripada soal selidik Mohd Suhardi Mat Jusoh<sup>22</sup> yang mengkaji pengabaian solat fardu dalam kalangan remaja di daerah Pasir Putih, Kelantan dan juga Nor Azira binti Yusoff<sup>23</sup> yang

---

<sup>22</sup> Mohd Suhardi Jusoh, 'Pengabaian Solat di Kalangan Remaja: Kajian di Sekolah Menengah di Sekitar Pasir Puteh, Kelantan'.

<sup>23</sup> Noor Azira Yusoff, 'Hubung Kait Antara Pengabaian Solat Dengan Buruk Laku Individu: Kajian di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur'.

mengkaji hubungkait antara pengabaian solat dengan buruk laku individu di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur. Soalan ini kemudiannya telah diubah suai untuk disesuaikan dengan tajuk kajian. Soal selidik yang telah dibentuk ini telah melalui semakan dan pembaikan berdasarkan maklumbalas responden dalam ujian rintis. Soalan-soalan dan bentuk jawapan yang mengelirukan responden serta menjejaskan objektif kajian telah dibuang.

Selain itu, turut diedarkan satu set soal selidik kepada 6 orang pegawai perunding keluarga yang bertugas di URK, BPPK JAWI. Ia adalah bagi mendapatkan pandangan mereka tentang tahap pelaksanaan dan pengabaian solat di kalangan klien yang hadir untuk sesi rundingcara.

Data-data soal selidik ini kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 17.0. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk melihat kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Manakala statistik inferensi adalah untuk memperolehi data ujian t, anova satu hala dan kolerasi spearman. Ujian t digunakan untuk menguji perbezaan tahap pelaksanaan ibadat solat dan tahap konflik rumah tangga responden berdasarkan jantina. Paras keyakinan 95 peratus digunakan untuk menentukan aras signifikan statistik bagi mengurangkan ralat persampelan.<sup>24</sup> Anova satu hala digunakan untuk melihat perbezaan tahap pelaksanaan ibadat solat dan konflik rumah tangga responden berdasarkan jantina, pendidikan dan pendapatan. Kolerasi Spearman digunakan untuk menganalisis perhubungan antara pelaksanaan solat dan konflik rumah tangga responden.

## DAPATAN KAJIAN

### 1. Profil Responden

#### a) Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Berdasarkan Jantina

Paparan taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan jantina ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	37	37
Perempuan	63	63
<b>Jumlah</b>	100	100

<sup>24</sup> Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 96.



Jadual 1 menunjukkan bahawa responden perempuan lebih ramai hadir ke sesi rundingcara berbanding responden lelaki dengan perbezaan 26 orang.

b) Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Berdasarkan Umur

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Umur

<b>Umur</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
19 tahun dan ke bawah	2	2
20 - 29 tahun	24	24
30 - 39 tahun	49	49
40 - 49 tahun	19	19
50 tahun dan ke atas	6	6
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Jadual 2 menunjukkan bahawa daripada keseluruhan sampel yang diambil, didapati responden yang berusia 30 hingga 39 tahun mencatatkan bilangan tertinggi hadir untuk sesi rundingcara.

c) Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan Tertinggi

Jadual 3: Taburan Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan Tertinggi

<b>Pendidikan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Ijazah Sarjana	2	2
Ijazah Sarjana Muda	20	20
Diploma	18	18
Sijil	1	1
STPM	52	52
SPM/MCE	3	3
SRP/LCE/PMR	4	4
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Jadual 3 menunjukkan responden yang bertaraf pendidikan peringkat STPM mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 52 peratus dan dapatan ini agak berbeza jika dibandingkan dengan kajian yang dilakukan di Unit Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor<sup>25</sup> yang mencatatkan responden berkelulusan SPM/MCE adalah bilangan tertinggi iaitu 115 orang daripada 300 responden keseluruhannya iaitu 38.3 peratus. Walau bagaimanapun, responden yang telah dipilih bagi kajian ini menggunakan persampelan bertujuan.

<sup>25</sup> Raihanah Azahari, 'Permasalahan Rumahtangga: Kajian di Unit Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor'.

d) Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Berdasarkan Pendidikan Agama

Bahagian ini telah disediakan soalan berbentuk senarai semak iaitu responden dibenarkan untuk menjawab lebih dari satu jawapan yang disediakan. Tujuan soalan jenis ini dikemukakan ialah untuk mendapatkan maklumat sebanyak mungkin daripada responden dengan cara berstruktur.

Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Pendidikan Agama

<b>Pendidikan Agama</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus</b>
Kebangsaan	73	73
Pembacaan sendiri	25	25
Kelas agama di kawasan tempat tinggal	20	20
Sekolah agama/arab/pondok	18	18
Individu lain yang bertauliah	9	9

Melalui analisis deskriptif, didapati bahawa kebanyakan responden memperolehi pendidikan agama melalui pendidikan kebangsaan<sup>26</sup> iaitu seramai 73 orang (73%). Hasil analisis ini mendapati bahawa kebanyakan responden mendapat pendidikan agama melalui pendidikan formal di peringkat kebangsaan kerana ia telah disediakan oleh pihak kerajaan bermula dari sekolah rendah hingga tamat sekolah menengah. Pendidikan agama yang diperolehi melalui pembacaan sendiri, dari individu yang bertauliah dan kelas agama di kawasan tempat tinggal telah mencatatkan peratusan yang rendah iaitu antara 9 peratus hingga 25 peratus sahaja. Ini merupakan usaha individu itu sendiri untuk menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan agama. Jika responden hanya bergantung kepada pendidikan kebangsaan sahaja, ianya berkemungkinan masih belum mencukupi untuk memahami tanggungjawab fardu ain ke atas setiap individu jika tidak ditambah dengan usaha lain.

<sup>26</sup> Maksud pendidikan kebangsaan ialah responden yang mendapat pendidikan agama melalui guru-guru di sekolah rendah dan menengah kebangsaan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

e) Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan

Jadual 5: Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan

<b>Pendapatan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Bawah RM1000	16	16
RM1001-RM3000	53	53
RM3001-RM5000	11	11
RM5001-RM7000	4	4
RM7001 ke atas	1	1
Tiada pendapatan	15	15
<b>Jumlah</b>	100	100

Jadual 5 menunjukkan kadar pendapatan bulanan responden. Kekerapan tertinggi ialah 53 orang (53%) yang berpendapatan antara RM1001-RM3000 sebulan. Kemudian diikuti 16 orang berpendapatan bawah RM1000 dan 15 orang merupakan suri rumah yang tidak mempunyai pendapatan bulanan.

f) Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Berdasarkan Tempoh Perkahwinan

Jadual 6: Tempoh Perkahwinan

<b>Tempoh perkahwinan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Bawah 1 tahun	4	4
1 – 5 tahun	35	35
6 – 10 tahun	22	22
11 – 15 tahun	15	15
16 – 20 tahun	14	14
21 tahun ke atas	10	10
<b>Jumlah</b>	100	100

Jadual 6 menunjukkan tempoh perkahwinan responden yang hadir sesi rundingcara, dengan kekerapan tertinggi ialah 35 orang (35%) responden berada dalam tempoh 1-5 tahun perkahwinan. Ini menunjukkan 1-5 tahun tempoh perkahwinan merupakan satu masa yang sangat memerlukan kesabaran serta kemahiran untuk mengendalikan rumah tangga agar terus berkekalan. Ini kerana tempoh tersebut adalah masa untuk pasangan bersuai kenal dan memahami peranan masing-masing di dalam institusi rumah tangga.<sup>27</sup>

<sup>27</sup> Zawanah Mohammad, 'Permasalahan Rumahtangga: Satu Analisa', Kertas kerja dibentangkan di Seminar Pemantapan Keluarga Siri Ke-10, Anjuran Jabatan

## 2. Analisis Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Lima Waktu

Analisis tahap pelaksanaan ibadat solat lima waktu adalah berdasarkan respon responden melalui item-item yang berkaitan didikan awal ibadat solat, pelaksanaan ibadat solat, sebab-sebab tidak melaksanakan solat serta tahap pelaksanaan ibadat ini. Di dalam bahagian ini, soalan aneka pilihan telah disediakan. Responden dikehendaki menjawab soalan berdasarkan kepada amalan mereka secara jujur di mana tiada jawapan betul dan salah. Soalan senarai semak juga telah disediakan iaitu responden dibenarkan untuk menjawab lebih dari satu jawapan yang telah disediakan.

### a) Taburan Kekerapan Tempat Didikan Awal Ibadat Solat

Jadual 7: Tempat Didikan Awal Ibadat Solat

Tempat Didikan Awal Ibadat Solat	Kekerapan	Peratus
Tadika	28	28
Sekolah rendah	60	60
Sekolah menengah	6	6
Lain-lain	6	6
<b>Jumlah</b>	100	100

Jadual 7 menunjukkan bahawa, responden menerima pendidikan awal berkaitan ibadat solat dengan kekerapan yang tertinggi iaitu 60 orang adalah di peringkat sekolah rendah lagi. Jika dilihat kepada silibus pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah, sememangnya terdapat pelajaran berkaitan ibadat solat.

### b) Taburan Kekerapan Permulaan Melaksanakan Ibadat Solat

Jadual 8: Permulaan Melaksanakan Ibadat Solat

Mula Melaksanakan Solat	Kekerapan	Peratus
Tadika	13	13
Sekolah rendah	65	65
Sekolah menengah	17	17
Selepas berumur 20 tahun	3	3
Lain-lain	2	2
<b>Jumlah</b>	100	100

---

Agama Islam Wilayah Persekutuan, 25 November 2000, 4.

Jadual 8 menunjukkan majoriti responden (65%) mula melaksanakan solat di peringkat sekolah rendah. Di peringkat sekolah rendah, para pelajar sentiasa dibimbing untuk melaksanakan solat fardu secara berjemaah dan ia adalah diwajibkan. Manakala pada peringkat menengah, pelaksanaan solat fardu terletak pada individu berdasarkan kesedaran responden terhadap tanggungjawab seorang Muslim.

Data dalam Jadual 7 sebelum ini menunjukkan bahawa responden telah biasa terdidik dengan ibadat solat semenjak dari kanak-kanak lagi. Dengan demikian, amalan ini sepatutnya akan memberi impak kepada pembentukan peribadi responden dan secara tidak langsung berjaya menghindari diri mereka daripada mengalami masalah dalam kehidupan.

c) Taburan Kekerapan Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Lima Waktu

Jadual 9: Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Lima Waktu

<b>Tahap Pelaksanaan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Cemerlang	1	1
Baik	35	35
Memuaskan	14	14
Lemah	46	46
Tidak pasti	4	4
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Jadual 9 menunjukkan tahap pelaksanaan solat lima waktu responden. Jawapan yang diberikan oleh responden adalah di atas pengakuan dan pilihan mereka sendiri. Sebanyak 46 peratus responden mengakui bahawa pelaksanaan solat mereka adalah di tahap yang lemah. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden mengakui bahawa pelaksanaan solat fardu mereka adalah pada tahap lemah. Dapatan kajian ini secara tidak langsung memberi petanda awal bahawa kelemahan dalam melaksanakan ibadat solat boleh menyebabkan individu terbabit lebih mudah terdedah kepada konflik rumah tangga. Hasil penemuan ini disokong dengan pandangan daripada enam pegawai perunding keluarga seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10. Hasil soal selidik kepada pegawai tersebut mendapati bahawa klien yang ditemubual oleh mereka sangat bersetuju bahawa pelaksanaan solat fardu boleh menghindarkan diri daripada perbuatan keji dengan catatan nilai min 4.71 iaitu satu nilai yang tinggi. Jawapan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa dengan melaksanakan solat secara konsisten seseorang itu boleh mengurangkan konflik rumah tangga.

Jadual 10: Jawapan Soal Selidik Kepada Pegawai Perunding Keluarga, JAWI

	N	Min	Tahap
Saya sentiasa mengajukan persoalan berkaitan pelaksanaan solat kepada klien yang hadir	6	4.8333	Tinggi
80% klien yang hadir mengakui tidak melaksanakan solat sepenuhnya	6	4.6667	Tinggi
Tahap pelaksanaan solat klien yang hadir rundingcara adalah LEMAH	6	3.5000	Sederhana
Terdapat juga di kalangan klien yang hadir mengakui TIDAK PERNAH melaksanakan solat fardu	6	4.3333	Tinggi
Pengabaian ibadat solat boleh menyumbang kepada permasalahan rumah tangga	6	5.0000	Tinggi

Jadual 10 juga menunjukkan bahawa para pegawai perunding mengakui responden yang menghadiri sesi rundingcara majoritinya tidak melaksanakan ibadat solat fardu sepenuhnya dalam kehidupan harian mereka dengan nilai min 4.66 iaitu pada tahap yang tinggi. Di samping itu, terdapat juga responden mengakui tidak pernah melaksanakan ibadat solat fardu dengan nilai min 4.33. Enam orang pegawai perunding ini juga memberikan jawapan ‘sangat setuju’ bagi persoalan ‘pengabaian ibadah solat boleh menyumbang kepada permasalahan rumah tangga’ iaitu dengan nilai 5.00. Markah skor berdasarkan nilai min diinterpretasi berdasarkan skala dalam Jadual 11.

Jadual 11: Interpretasi Skor Min

Interpretasi Skor Min (Tahap)	Skor Min
Tinggi	3.67 hingga 5.00
Sederhana	2.34 hingga 3.66
Rendah	1 hingga 2.33

Berdasarkan penemuan ini, boleh difahami bahawa majoriti responden yang hadir pada sesi rundingcara tidak melaksanakan ibadat solat fardu sepenuhnya dan dipersetujui juga bahawa ianya boleh menjadi faktor penyumbang kepada konflik rumah tangga mereka.

Jika dilihat kepada dapatan kajian oleh Mohd Suhardi Jusoh<sup>28</sup> bahawa 96.8 peratus responden mengakui perbuatan meninggalkan solat fardu mendatangkan banyak kesan negatif kepada diri mereka. Beliau membuat kesimpulan bahawa timbulnya pelbagai gejala sosial yang membabitkan remaja dewasa ini adalah sebahagiannya berpunca daripada diri mereka yang tidak mendirikan solat fardu. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Nor Azira Yusoff<sup>29</sup> yang melihat perkaitan antara pengabaian solat dengan buruk laku individu Muslim ke atas 50 orang responden daripada 60 orang responden. Hasil analisis kajian tersebut juga mendapati bahawa terdapat perkaitan yang rapat antara pengabaian solat dengan buruk laku individu. Kajian-kajian ini membuktikan bahawa wujud perkaitan dan hubungan antara tahap pelaksanaan solat dan perbuatan negatif individu Muslim dalam kehidupan harian mereka dan ini secara tidak langsung termasuklah permasalahan atau konflik dalam rumah tangga.

Pada dasarnya, apabila manusia meninggalkan kewajipan utama sebagai hamba Allah, pastinya mereka akan menempuhi banyak rintangan. Melalui ibadah solat fardu yang konsisten, ianya boleh membawa kepada kekuatan iman dan akan menjadi benteng pertahanan kepada individu tersebut untuk menangkis dugaan yang mendatang. Iman yang lemah boleh mengakibatkan individu tersebut gagal dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Allah, suami atau isteri dan akan mengakibatkan keruntuhan rumah tangga disebabkan pertambahan konflik yang tidak dapat diselesaikan dengan baik. Al-Quran telah menerangkan bahawa ibadat solat yang dilakukan semata-mata kerana Allah SWT dapat membersihkan diri seseorang dan mengawal diri daripada terjerumus ke lembah kehinaan serta naluri-naluri yang tidak sihat sebagaimana dalam firmanNya:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

*“Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan yang jahat dan mungkar”.*

(Surah al-‘Ankabut, 29: 45)

Ini membuktikan bahawa solat amat penting untuk dilaksanakan oleh seseorang yang bergelar Muslim secara konsisten dan sempurna kerana solat adalah titik permulaan ke arah pembentukan individu yang benar-benar komited dengan ajaran Islam.

<sup>28</sup> Mohd Suhardi Jusoh, ‘Pengabaian Solat di Kalangan Remaja: Kajian di Sekolah Menengah di Sekitar Pasir Puteh, Kelantan’.

<sup>29</sup> Noor Azira Yusoff, ‘Hubung Kait Antara Pengabaian Solat Dengan Buruk Laku Individu: Kajian di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur’.

d) Taburan Kekurangan Sebab Utama Tidak Melaksanakan Solat Fardu Lima Waktu

Jadual 12: Sebab-Sebab Utama Tidak Melaksanakan Solat

Sebab Utama Tidak Melaksanakan Solat	Kekerapan	Peratus
Terlupa	7	7
Sengaja meninggalkan	12	12
Tidak tahu akibat meninggalkannya	5	5
Sibuk dengan urusan harian	38	38
Bangun lewat	34	34
Lain-lain	4	4
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Jadual 12 menunjukkan bahawa sebab-sebab utama responden meninggalkan solat adalah kerana sibuk dengan urusan harian (38%), bangun lewat (34%) dan sengaja meninggalkan solat (12%). Penemuan ini adalah selari dengan pengakuan responden semasa sesi rundingcara iaitu terdapat dua sebab responden meninggalkan solat. Majoriti responden (83.3%) mengakui 'sengaja meninggalkan solat' manakala sebahagian responden (16.7%) memberikan alasan 'sibuk dengan urusan harian' mendorong mereka tidak melaksanakan solat.

Hakikatnya, walau apapun alasan yang diberikan, faktor kurangnya pengetahuan agama boleh menjadi sebab utama kepada timbulnya faktor-faktor meninggalkan solat seperti di atas. Ini kerana kekurangan pengetahuan agama akan menjadikan seseorang itu akan lebih mengutamakan tuntutan kehidupan mereka berbanding tuntutan syariat Allah SWT.

## ANALISIS INFERENSI

Bahagian ini memaparkan dan membincangkan keputusan dari ujian-ujian yang telah dianalisis bagi mengetahui hipotesis-hipotesis yang dikaji sama ada diterima atau ditolak. Dapatan kajian ini juga adalah bagi menjawab setiap objektif kajian yang diperjelaskan sebelum ini.

### Perbezaan Pelaksanaan Solat Mengikut Taraf Pendidikan

Ujian anova sehala digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara pelaksanaan solat berdasarkan taraf pendidikan. Dapatan analisis menunjukkan nilai  $F=3.816$  dan  $p = 0.006$  ( $p < .05$ ). Keputusan analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pelaksanaan solat berdasarkan taraf pendidikan.



Jadual 13 : Analisis Ujian Anova Sehala Pelaksanaan Solat Berdasarkan Taraf Pendidikan

<b>Punca Varian</b>	<b>Jkd</b>	<b>Dk</b>	<b>Mkd</b>	<b>F</b>	<b>Sig</b>
Antara Kumpulan	29.851	4	7.463	3.816	0.006
Dalam Kumpulan	185.789	95	1.956		
<b>Jumlah</b>	<b>215.640</b>	<b>99</b>			

Nota:

jkd = Jumlah Kuasa Dua

dk = Darjah Kebebasan

mkd = Min Kuasa Dua

### **Perbezaan Pelaksanaan Solat Mengikut Pendapatan Bulanan**

Ujian anova sehala digunakan juga untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara pelaksanaan solat berdasarkan pendapatan bulanan. Dapatan analisis menunjukkan nilai  $F=1.799$  dan  $p = 0.135$  ( $p>0.05$ ). Keputusan analisis ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pelaksanaan solat berdasarkan pendapatan bulanan. Ini bermakna pendapatan bulanan sama ada tinggi atau rendah tidak mempengaruhi pelaksanaan solat responden. Oleh itu hipotesis nul adalah diterima.

Jadual 14: Ringkasan Anova Sehala Uji Pelaksanaan Solat Berdasarkan Pendapatan Bulanan

<b>Punca Varian</b>	<b>Jkd</b>	<b>Dk</b>	<b>Mkd</b>	<b>F</b>	<b>Sig</b>
Antara Kumpulan	17.497	4	4.374	1.799	0.135
Dalam Kumpulan	230.943	95	2.431		
<b>Jumlah</b>	<b>248.440</b>	<b>99</b>			

### **Hubungan Antara Tahap Pelaksanaan Solat Dan Konflik Rumah Tangga**

Keputusan pekali kolerasi spearman menunjukkan bahawa  $r = -0.062$  dan  $p = 0.539$ . Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pelaksanaan solat dan konflik rumah tangga. Namun begitu, jika dilihat pada nilai  $r = -0.062$ , merupakan satu nilai negatif. Ini boleh difahami bahawa, lemahnya tahap pelaksanaan solat itu boleh membuka ruang kepada lebih tingginya konflik rumah tangga walaupun ianya satu nilai yang sedikit. Jika

dilihat kepada nilai  $p > 0.05$  telah membuktikan bahawa tidak ada hubungan yang signifikan antara tahap pelaksanaan solat dan konflik rumah tangga responden. Hasil kajian ini juga tidak menyokong dapatan kajian-kajian oleh Patrick, Lambert dan Dollahite, Curtis dan Ellison, Call dan Heaton serta Hamidah Ab Rahman.<sup>30</sup> Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan solat dan konflik rumah tangga.

Jadual 15: Kesimpulan Dapatan Inferensi

Hipotesis Nul	Huraian Hipotesis	Keputusan
Ho1	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan responden berdasarkan latar belakang pendidikan di dalam pelaksanaan solat	Ditolak
Ho2	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di dalam pelaksanaan solat berdasarkan faktor sosio ekonomi iaitu pendapatan bulanan	Diterima
Ho3	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan solat dan konflik rumah tangga	Diterima

## KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan memberi kesan kepada pelaksanaan solat responden dan tiada hubungan yang signifikan antara konflik rumah tangga dengan ibadat solat seseorang. Pada dasarnya, hakikat solat yang perlu difahami bukanlah sekadar melaksanakannya sebagai rutin, tetapi ia haruslah menepati matlamatnya, iaitu sebagai medium utama pembersihan jiwa dari segala yang merosakkan dan seterusnya melahirkan peribadi yang seimbang dalam kehidupan hariannya. Dengan demikian solat akan menjadi benteng bagi segala yang buruk dan mungkar.

Meskipun tiada hubungan ditunjukkan, namun ia tidak bermakna solat itu gagal mencegah perkara buruk dan mungkar. Tidak dinafikan kelemahan-kelemahan yang wujud pada instrumen kajian dan proses pemilihan sampel kajian sedikit

<sup>30</sup> Patrick F. Fagan, 'Why Religion Matters Even More: The Impact of Religious Practice on Social Stability', 1- 19; Lambert, N.M. & Dollahite, D.C., 'How Religiosity Helps Couples Prevent, Resolve, and Overcome Marital Conflict', 439-449; Curtis, K.T., & Ellison, C., 'Religious Heterogamy and Marital Conflict', 551-576; Call, V.R., & Heaton, T.B., 'Religious Influence on Marital Stability', 382-399; Hamidah Ab Rahman, 'Faktor Penyumbang Kepada Masalah Keluarga dan Perceraian: Kajian Kes di Johor', 13.

sebanyak menyumbang kepada dapatan yang sedemikian. Diharap kajian-kajian pada masa akan datang akan dapat menampung kelemahan ini dan menghasilkan dapatan kajian yang lebih bermakna.

## RUJUKAN

- Amran Kasimin, *Masalah Sosial dan Hubungannya dengan Didikan Agama* (Kuala Lumpur: Dinie Publishers, 1993).
- Azizi Yahaya *et al.*, *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., 2007).
- Call, V.R., & Heaton, T.B., 'Religious Influence on Marital Stability', *Journal for the Scientific Study of Religion*, 36 (1977).
- Curtis, K.T., & Ellison, C. 'Religious Heterogamy and Marital Conflict', *Journal of Family Issues*, 23 (2002).
- Dollahite, D.C., Marks, L.D., & Goodman, M., 'Families and Religious Beliefs, Practices, and Communities: Linkages in a Diverse and Dynamic Cultural Context', *The Handbook of Contemporary Families: Considering The Past, Contemplating The Future* (eds. M.J. Coleman & L.H. Ganong; Thousands Oaks, CA: Sage, 2004).
- Hamidah Ab Rahman, 'Faktor Penyumbang Kepada Masalah Keluarga dan Perceraian: Kajian Kes di Johor', *Krisis dan Konflik Rumah Tangga* (eds. Abdul Rahim Abd Rashid *et al.*; Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2006).
- Lambert, N.M. & Dollahite, D.C., 'How Religiosity Helps Couples Prevent, Resolve, and Overcome Marital Conflict', *Family Relations* (Blackwell Publishing, 55 Oct 2006).
- Mahoney A, Pargment KI, Tarakeshwar N *et al.*, 'Religion in the Home in the 1980s and 1990s: A Meta-Analytic Review and Conceptual Analysis of Links Between Religion, Marriage and Parenting', *J Fam Psychol*, 15 (2001).
- Masni Khamis, *Gaya Pembelajaran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik* (Projek Penyelidikan; Bangi: UKM, 2001).
- Mohd Suhardi Jusoh, 'Pengabaian Solat di Kalangan Remaja: Kajian di Sekolah Menengah di Sekitar Pasir Puteh, Kelantan' (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).
- Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998).

- Nur Dalilah Zakaria, 'Pelaksanaan Ibadat Solat dan Hubungannya dengan Konflik Rumahtangga: Kajian di Unit Rundingcara Keluarga, Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, JAWI' (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012).
- Noor Azira Yusoff, 'Hubung Kait Antara Pengabaian Solat Dengan Buruk Laku Individu: Kajian di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur' (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008).
- Nor Izzati Mohd Zawawi, 'Masalah Rumahtangga Muslim di Hulu Langat: Kajian Tentang Cara Penyelesaiannya oleh Pejabat Agama Islam Hulu Langat (PAIHL), Selangor' (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).
- Patrick F. Fagan, 'Why Religion Matters Even More: The Impact of Religious Practice on Social Stability', *Backgrounder*, 1992 (The Heritage Foundation, Dec 2006).
- Raihanah Azahari, 'Factors Contribute to Marital Problems Among Malay Muslim Women: A Case Study In Malaysia', *Jurnal Syariah*, 16/2 (2008): 245-268.
- Raihanah Azahari, 'Permasalahan Rumahtangga: Kajian di Unit Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor', *Jurnal Syariah*, 15/1 (2007): 115-128.
- Scott, P.G. 'Evaluation of the Connections: Relationships and Marriage Curriculum', *Journal of Family and Consumer Sciences Education*, 19/1 (2001).
- Shafora Juaini, 'Ibadat Solat dan Hubungannya dengan Akhlak Pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kuala Selangor' (Kertas Projek Ijazah Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005).
- Stinnett, N., Walters, J., *Relationship in Marriage and the Family* (United States America: Macmillan Publishing Company, 3rd ed, 1991).
- Zawanah Mohammad, 'Permasalahan Rumahtangga: Satu Analisa', Kertas kerja dibentangkan di Seminar Pemantapan Keluarga Siri Ke 10, Anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, 25 November 2000.